

PANDUAN PERMOHONAN TRANSKRIP BAGI PEMEGANG PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

TUJUAN


Panduan ini disediakan untuk menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi bagi permohonan transkrip Persijilan Kemahiran Malaysia.

SYARAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan adalah terbuka kepada :
 - i. pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) /Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/ Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) melalui kaedah persijilan Pusat Bertauliah (PB) atau Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) ; dan
 - ii. telah tamat latihan pada tahun 2009 dan ke atas sahaja.

PROSEDUR PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang <http://apps.dsd.gov.my/webjpk2/DKM5> melalui PB di mana sijil diperolehi.
- (b) Sekiranya PB telah menamatkan operasi, permohonan hendaklah dibuat kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- (c) PB hendaklah memuatnaik dokumen-dokumen berikut :
 - i. **Borang Pendaftaran Dan Pengeluaran Sijil** atau **Laporan Penilaian Pelatih** untuk sistem pentauliahan PB; atau
 - ii. **Laporan Penilaian Keseluruhan dan Rekod Bukti Pencapaian** untuk SLDN.
- (d) Transkrip yang telah disahkan oleh JPK boleh dicetak melalui sistem.
- (e) Proses permohonan seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Carta Alir Proses Permohonan Transkrip Persijilan Kemahiran Malaysia